

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 3/2004**

**MAKLUMAT BERHUBUNG BAYARAN DEPOSIT JELAS DI DALAM
KERTAS MMK BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan tindakan memasukkan maklumat mengenai bayaran deposit jelas yang telah diterima di dalam kertas MMK bagi permohonan milik tanah yang disediakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

2. Maklumat berhubung dengan bayaran tersebut hendaklah dimasukkan di bawah perenggan asas-asas pertimbangan kertas tersebut sebagaimana contoh berikut :-

“Pemohon telah membuat bayaran deposit jelas iaitu berjumlah RM..... sebagaimana salinan resit no. dikandungan () fail ini”.

3. Langkah ini adalah diambil bagi menyediakan maklumat lengkap kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam memberi pertimbangan ke atas permohonan-permohonan milik tanah di negeri ini selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri supaya bayaran deposit 100% daripada anggaran premium diambil bagi setiap permohonan milik tanah.

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil.2/2004 dan Arahan PTG Bil. 2/2000.

t.t

(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan
9. FF. PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh : 03hb. November 2004